

Norlita gigih walau rabun

UM 28/3/05 1:2

NORLITA Hanim Md Taha, gigih menjawab soalan peperiksaan akhir semester 2004/2005 di Sintok, Kedah.

KEGIGIHAN pelajar rabun, **Norlita Hanim Md Taha**, 24, mengharungi peperiksaan akhir dengan bantuan kanta, sewajarnya menjadi contoh kepada pelajar universiti yang lain.

Ketabahan beliau melambangkan komitmen seorang siswi dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab yang diletakkan di bahunya oleh keluarga, pihak universiti dan pembayar cukai.

Bagi UUM, tanggungjawab menyediakan infrastruktur kepada pelajar yang bermasalah fizikal seperti Norlita memang patut diberi pujian.

Pemangku Naib Canselor UUM, **Lt. Kol. Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik** berkata, memang menjadi tanggungjawab pihak pengurusan UUM untuk memberi kemudahan dan persiapan awal kepada pelajar yang mempunyai masalah seperti Norlita.



Pihak Hal Ehwal Akademik sentiasa memantau dan bersedia untuk memberi kerjasama serta perhatian kepada pelajar yang menghadapi masalah seperti kecacatan dan kecederaan untuk menghadiri peperiksaan akhir, kata Abdul Razak ketika dihubungi di pejabatnya di Sintok, Kedah baru-baru ini.

Beliau adalah antara 19,348 pelajar UUM yang menduduki peperiksaan Akhir Semester Kedua Sesi 2004/2005.

Pelajar Fakulti Ekonomi itu adalah antara pelajar yang diberi perhatian oleh pihak universiti sekiranya ada kalangan pelajar memaklumkan masalah mereka sewaktu menghadapi peperiksaan.

